

?

SAYA ibu kepada tiga cahaya mata berusia 2, 4, dan 6 tahun. Sekarang mengandung dua bulan. Masalahnya, anak berusia 6 tahun (perempuan) terlalu banyak masalah. Antaranya, suka bergaduh dengan adiknya, tidak mahu mengalah, dia saja betul, tidak dengar nasihat dan suka mengamuk seperti menyepakkan barang jika permintaannya tidak dituruti. Malah ada masanya, permintaannya tidak masuk akal, tidak dimarah atau dipukul akan terus merajuk, menangis dan mengamuk, selain sukar bangun pagi untuk ke sekolah. Saya penat melalui semua ini. Harap Dr Mastura dapat bantu saya hadapi kerenah anak sifung saya ini.

Ika,  
Subang Jaya



Bersama  
Dr Mastura Badzis

CABARAN utama dihadapi ibu bapa kanak-kanak yang baru mengenal alam sekolah ialah emosinya selalu turun naik, terkadang terlalu gembira, sensitif, cepat marah dan mudah kecil hati atau sedih terutama apabila kecewa gagal lakukan sesuatu.


Tidak hairan jika kanak-kanak seusia dia dianggap sebagai 'sahabatnya' paling rapat tetapi keesokan harinya kita dapati 'sahabat' itu adalah musuh paling ketat dan keadaan itu berubah setiap hari. Begitu juga sikapnya terhadap ibu bapa atau adik-beradik lain.

Hari ini dia mungkin akan berkongsi barang dengan adiknya, tetapi ada kalanya tidak mahu mengalah. Bila mereka menghadapi tekanan perasaan atau tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara, biasanya kanak-kanak berusia enam tahun sudah boleh meluahkan kata-kata dan tidak menunjuk *temper tantrum* seperti menggulingkan badan di lantai, menghempas barang, menghantuk kepala di dinding dan sebagainya.

Namun, jika dia tidak diberi peluang meluahkan sesuatu dengan kata-kata pastinya *temper tantrum* menjadikan dia melepaskan perasaan. Permintaannya yang kadang-kadang kita anggap sebagai 'tidak masuk akal' sebenarnya adalah salah satu cara dapatkan perhatian daripada ibu bapanya.

Kanak-kanak seusianya biasanya tahu bila dia dianggap 'baik' atau 'degil' dan pandangannya mengenai sesuatu nilai buruk dan baik bergantung hanya semata-mata kepada tanggapan atau peraturan ditetapkan ibu bapa atau guru sama ada sesuatu itu 'baik' atau 'buruk'.

Kanak-kanak seusianya masih belum memahami nilai yang tersirat di sebalik sesuatu perbuatan, selari dengan perkembangan kognitifnya yang belum boleh memahami



# Amuk kanak-kanak

Ibu bapa perlu adil, elak anak tunjuk perasaan

sesuatu bersifat abstrak. Sebagai contoh jika seseorang memecahkan sebiji gelas dengan sengaja, dia akan mengatakan itu hanya kesalahan kecil jika dibandingkan dengan seorang lain, secara tak sengaja terlanggar dan memecahkan lima gelas di tepi meja.

Baginya, orang yang memecahkan lima gelas lebih bersalah atau pesalah utama kerana banyaknya gelas yang pecah dan kanak-kanak seusianya kurang memahami aspek 'sengaja atau tak sengaja'. Sesuatu barang akan dianggap 'lebih' hanya kerana kuantiti, seperti bentuk, kedudukan, saiz lebih besar pada pandangan matanya.

Sebagai contohnya, jika puan memberikan segelas aiskrim kepada dia dan adiknya, tetapi dalam bekas berbeza bentuk lebih tinggi, dia mungkin akan mengatakan adiknya dapat lebih banyak dan ini boleh jadi punca perebutan dengan adiknya.

Banyak perkara menyebabkan dia mudah bergaduh dengan adik kerana-na secara semula jadi kanak-kanak seusianya memang suka menerima hakikat 'kalah dalam permainan' dan rasa cemburu ada dalam diri sukar dibendung, apatah lagi bila setiap kali bergaduh atau berebut sesuatu, dia selalu diminta mengalah dan ter-

paksa beralah.

Bagi membendung rasa sensitif yang tinggi terutama dalam usia prasekolah, Rasulullah dalam sabdannya mengingatkan ibu bapa supaya berlaku adil terhadap anak. Keadilan dimaksudkan bukan sekadar adil dari aspek material tetapi juga kasih sayang.

Dalam satu riwayat, diceritakan Rasulullah pernah menegur seorang sahabat yang pada pandangan Baginda tidak berlaku adil terhadap dua anaknya yang ketika itu sedang bermain bersama hanya kerana sahabat itu mencium salah seorang anaknya di hadapan Baginda dan tidak mencium yang seorang lagi.

Puan, anak seusianya amat memerlukan kasih sayang dan perhatian sama seperti adiknya yang lain. Carilah jalan supaya dia sentiasa merasakannya sentiasa disayangi. Puan perlu memberinya *unconditional love* iaitu menunjukkan sayang pada dirinya walau siapa pun dia, bukan pada apa yang dilakukannya.

Kanak-kanak seusianya amat memerlukan seseorang untuk membimbingnya mengenai pasti rasa marah atau rasa sedih dialami dan ke mana rasa marah harus dialurkan atau bagaimana mengawal perasaan itu dan jangan biarkan sehingga

mereka hilang kawalan.

Mereka juga perlukan sokongan untuk mengatasi rasa takut sedia ada yang dialami, takut untuk mencuba, dimarahi, gagal melakukan sesuatu yang orang anggap dia boleh lakukannya.

Ibu bapa yang berjaya lakukan ini semua untuk anak seusianya akan dapat membantunya membesar sebagai seorang yang mempunyai keyakinan tinggi dan percaya kepada diri sendiri.

Aspek lain, kanak-kanak dalam usia enam tahun memang sukar menunjukkan sikap toleransi bila ditegur atau diberi nasihat tepat. Ini kerana sifat *egocentric* yang ada dalam dirinya, iaitu kesukaran menerima pandangan atau perspektif orang lain.

Sebab itulah kita selalu dapati kanak-kanak seperti ini bila keluar rumah di waktu malam akan kata "bulan ikut kita" dan kalau dia kata contohnya "gajah warnanya hitam", dia akan tetap bertegas tidak akan menerima pandangan yang mengatakan con-

INFO

## Tip tangani kanak-kanak mengamuk

- Elak tunjukkan rasa sayang kepadanya hanya kerana sesuatu tingkah laku baik yang dilakukannya contohnya, "mama sayang kamu sebab kamu berkongsi dengan adik."
- Tunjukkan kepadanya bahawa anda sentiasa menyayanginya walau siapa pun dia.
- Cuba gunakan *sense of humor* untuk meredakan mood tidak baik yang ditunjukkannya.
- Bantunya meluahkan rasa marahnya dengan memperakui perasaan yang sedang dialaminya itu supaya dia memahami yang dia tidak dibenci kerana memiliki perasaan tersebut.
- Elakkan dari menjerit memarahinya bila dia mencuba meluahkan rasa marahnya!
- Tunjukkan kepadanya bagaimana mengawal rasa marah melalui contoh yang anda sendiri lakukan.

GAMBAR: IHSKAM

tohnya "gajah warnanya kelabu" kecuali kalau ditunjukkan di hadapan seekor gajah sebenar barulah dia akan menerima pandangan orang. Inilah hakikat ciri-ciri perkembangan kognitif anak seusianya sukar memahami atau membezakan sesuatu perkara kecuali jika ditunjukkan kepadanya sesuatu yang konkrit. Mengenai masalah sukar bangun pagi, puan kena pastikan yang dia mendapat tidur cukup iaitu antara sembilan hingga 11 jam sehari seperti disaran pakar perkembangan kanak-kanak.

Tidur awal adalah langkah terbaik dan sebaik-baiknya juga kurangkan tidur siang atau tidak tidur langsung di siang hari supaya boleh tidur lena pada waktu malam. Mengamuk kanak-kanak seusianya selalu mengelak jika disuruh tidur, tetapi bila sudah di katil, dia senang terlelap. Bagi memastikannya tidur lena malam hari dan tidurnya tidak terganggu, guna lampu tidur sesuai dan jika dia mempunyai *special stuff*, seperti bantal busuk, *teddy bear* dan sebagainya biarlah dia tidur dengan 'kawan baik'nya itu.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang Juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhnhita@bharian.com.my](mailto:bhnhita@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.